

29/11/1998

BN yakin menang

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) dapat mempertahankan pemerintahan di Sabah dengan mencapai kemenangan mutlak pada pilihan raya negeri yang akan diadakan dalam waktu terdekat ini.

Menurut Perdana Menteri, keyakinannya itu berdasarkan semangat yang ditunjukkan penyokong BN selepas pimpinan kerajaan mengambil beberapa langkah drastik menangani kegawatan politik dan ekonomi.

Katanya, perpaduan di kalangan parti komponen BN kini semakin meningkat berbanding ketika lawatan terakhirnya pertengahan Ogos lalu.

"Masing-masing (parti komponen) nampak riang dan yakin menghadapi pilihan raya. Ini petanda baik untuk BN di Sabah," katanya pada sidang akhbar di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir yang menamatkan lawatan dua hari ke Sabah, mengakui pilihan raya Sabah kali ini menjadi ukuran kepada BN, tetapi tidak bermakna ia menjadi pengukur mutlak masa depan BN keseluruhannya.

Beliau berkata, pilihan raya negeri Sabah akan diadakan secepat mungkin sebelum tempoh pemerintahan kerajaan sekarang berakhir 18 Mac depan.

"Secepat mungkin, kita tidak boleh melewati tempoh tertentu. Kita tidak boleh sampai melepasi April, tentunya," katanya.

Ditanya kemungkinan dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang lebih baik pilihan raya Parlimen dan negeri diadakan serentak, Dr Mahathir berkata: "Ya dan tidak...kita kena teliti perkara ini."

Perdana Menteri turut membidas parti pembangkang, Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) yang cuba menggunakan wang untuk meraih simpati rakyat Sabah menjelang pilihan raya negeri.

Bersekutu diterajui bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh sewaktu kerajaan Berjaya (1976-1985).

Dr Mahathir berkata kempen Bersekutu untuk memancing sokongan dengan menawarkan wang kepada rakyat tidak berkesan.

"Parti Bersekutu cuba main duit. Dulu (kerajaan) Berjaya bagi dividen daripada duit yang dipinjam.

Selepas Berjaya kalah, kerajaan kena tanggung (hutang). Sekarang ini dia janji nak bagi duit kepada rakyat Sabah dengan harapan kalau kita kata ini tak mungkin, kita jadi tidak popular.

"Sebaliknya kita tidak boleh buat tawaran seperti itu. Tidak benar ia boleh bayar. Dia ingat dia tak rugi apa apa...maka buat tawaran sajalah. Dia tak mungkin menang...sebab itu dia buat tawaran macam-macam," katanya.

Sambil menegaskan Bersekutu tidak mungkin mencapai kemenangan, Perdana Menteri berkata parti berkenaan hanya akan memberi kemenangan kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) apabila ia 'mengambil' pengundi BN.

Katanya dengan 'mengambil' 300 hingga 400 undi BN bermakna Bersekutu menolong PBS.

Justeru, katanya, niat sebenar Bersekutu adalah untuk mengalahkan BN dan bukan mencapai kemenangan sendiri.

(END)